

**SOALAN NO.: 47**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah diambil secara jangka pendek dan jangka panjang dalam menyelesaikan masalah hakisan teruk sepanjang pantai daerah Setiu terutama di kampung Gong Batu, Setiu di mana pada akhir 2014 telah berlaku banjir dan fenomena air pasang besar sehingga menyebabkan ban yang memisahkan antara sungai dan laut melimpah masuk ke kawasan laguna tempat ternakan ikan sangkar berjumlah 1,200 buah yang melibatkan seramai 87 orang penternak yang menjana hasil sebanyak 14 juta semusim. Akibatnya penternak-penternak mengalami kerugian yang besar.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ban Pantai Lagun Setiu terletak lebih kurang 30 kilometer daripada Bandar Permaisuri, Setiu. Kawasan ini merupakan kawasan *Pan Culture* Gong Batu, Setiu iaitu kawasan penternakan ikan dalam sangkar yang diusahakan oleh nelayan seramai 70 orang peserta.

Pada musim tengkujuh setiap tahun, fenomena air pasang tinggi telah menyebabkan ban pantai yang memisahkan antara sungai dan laut terhakis dan pecah.

Sehubungan itu, bagi tujuan penyelesaian jangka masa panjang, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memasukkan Cadangan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Gong Batu di dalam senarai permohonan projek RMKe-11.

Sekian terima kasih.